


**SEJARAH PENGLIBATAN BURUH TEMPATAN
DALAM SEKTOR PERLADANGAN DI BORNEO
UTARA: 1881-1941**



REANY KOTON

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

**SEJARAH PENGLIBATAN BURUH TEMPATAN
DALAM SEKTOR PERLADANGAN DI BORNEO
UTARA: 1881-1941**

REANY KOTON



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SEJARAH**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

10 Ogos 2014

Reany Koton
PA 20118007



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **REANY KOTON**

NO. MATRIK : **PA20118007**

TAJUK : **SEJARAH PENGLIBATAN BURUH TEMPATAN DALAM
SEKTOR PERLADANGAN DI BORNEO UTARA: 1881-
1941**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SEJARAH)**

TARIKH VIVA : **05 OGOS 2014**

DISAHKAN OLEH;



UMMS
Tandatangan
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya panjatkan kesyukuran kepada Tuhan yang maha esa kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya berjaya menyiapkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan kepada Dr. Maureen De Silva atas nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan beliau semasa saya menyiapkan tesis ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan oleh penyelia saya banyak membantu kepada kejayaan tesis ini. Saya juga sangat menghargai kesabaran Dr. Maureen De Silva yang sedia berkongsi data, maklumat dan kepakaran, senang untuk berkomunikasi dan cepat dalam tindakan semasa sesi penyeliaan sepanjang pengajian ini. Semangat kesabaran, pembacaan yang teliti, minat terhadap kajian ini serta maklum balas daripada beliau yang meyakini amat membantu untuk menyempurnakan tesis ini. Tidak lupa juga, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada semua pensyarah Sekolah Sains Sosial, UMS yang banyak membantu dalam memberikan pandangan dan cadangan yang bernas semasa pembentangan proposal dan *progress* tesis.

Buat Keluarga tercinta, setinggi-tinggi ucapan terima kasih dirakamkan diatas kesabaran menanti saya menyiapkan tesis ini. Buat ibu-bapa saya, terima kasih kerana tidak pernah putus-putus untuk memberikan sokongan moral dan kewangan. Buat Kendy, Kenley dan Refley, terima kasih kerana sentiasa menyokong usaha saya. Tidak lupa juga buat Terrin Kinchin dan Cassandra Anne Abot yang tidak pernah jemu memberikan sokongan dan mengimbangi kehidupan sosial saya.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan Salmiawati Djafar, Nur Suriana Saifoddin, Shafarini Shafina Sifatu dan Marilyn Johnny, ucapan tidak terhingga saya tujukan kepada mereka yang menjadi pendorong saya dan banyak membantu proses penyiapan tesis saya.

Akhir sekali, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat semasa proses penyiapan tesis ini sama yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung semasa saya menjayakan tesis ini.

Reany Koton
28 Julai 2013

ABSTRAK

Kajian sejarah perburuhan ini merupakan kajian yang menjurus kepada penglibatan buruh-buruh tempatan dalam sektor perladangan di Borneo Utara semasa pentadbiran *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji mengapa berlakunya perubahan dalam trend kepenggunaan buruh tempatan dari kurang giat kepada giat melalui penelitian ke atas proses perekrutan dan kehidupan mereka di estet perladangan. Melalui kaedah pendekatan sejarah dari aspek pemerolehan sumber, pentafsiran data dan penghuraian fakta, penyelidikan ini mendapati bahawa buruh tempatan kurang terlibat pada awalnya kerana persepsi negatif pengusaha Eropah yang menganggap buruh tempatan pemalas, dasar BNBCC yang memperkenalkan undang-undang yang mengawal penglibatan buruh tempatan mengikut tempoh-tempoh tertentu dan persepsi peribadi masyarakat tempatan yang menganggap bekerja di estet perladangan menjatuhkan maruah mereka, di samping ketaatan mereka kepada sistem perhambaan dan daya tarikan *sharecropping* yang lebih tinggi. Namun, jumlah penglibatan buruh tempatan menjadi semakin meningkat kerana pendedahan mereka terhadap pemberian gaji, penyediaan kemudahan material dan bukan material, serta perlindungan undang-undang. Tambahan itu, para pengusaha juga menyedari kos perekrutan buruh tempatan jauh lebih menjimatkan berbanding kos merekrut buruh-buruh luar. Namun demikian, walaupun penglibatan buruh tempatan dalam sektor perladangan ini meningkat dan banyak kesan positif yang diperolehi mereka, tidak dapat dinafikan bahawa buruh tempatan turut berhadapan kesan negatif hasil penglibatan mereka dalam sektor perladangan. Misalnya pengaruh sosial seperti perjudian, amalan meminum arak dan pelacuran selain membawa kepada timbulnya masalah tidak berkahwin dalam kalangan penduduk tempatan. Walaupun penglibatan buruh tempatan dalam sektor perladangan memberi banyak manfaat kepada pengusaha perladangan, namun, pada masa yang sama membawa kesan negatif kepada perusahaan tanaman padi bukan sahaja di peringkat kampung tetapi juga terhadap bekalan makanan keseluruhan wilayah.

ABSTRACT

HISTORY OF INDIGENOUS LABOUR INVOLVEMENT IN THE PLANTATION SECTOR IN NORTH BORNEO: 1881-1941

This research attempts to study the involvement of native labour in the plantation sector in British North Borneo from 1881 to 1941. The main objective of this research is to examine the underlying factors that affected changes in the use of local labour in the plantation sector. By utilising a historical approach in identifying sources, data interpretation and explanation of the facts, the study concludes that there was a change in the trend of involvement of local labour throughout the years, and at some point, they exceeded the total number of foreign labour force, in particular the Chinese and Javanese. Native labourers in the plantation sector were initially low because European entrepreneurs had a negative perception of the natives whom they deemed as lazy and unsuitable to work on any economics of scale, such as the plantation sector. Furthermore, the natives themselves were tied to the local slavery system and considered a wage based employment more degrading than being a slave. Some also preferred the sharecropping system. Nevertheless, the development of the global economy and the widespread use of money in everyday transaction had made wage labour in the plantation sector more attractive to the natives, not to mention the adequate facilities on estates, and ample protection provided by the territory's labour laws. To minimise cost, employers also preferred local labourers to imported foreign workers. Hence, this witnessed the increase of local labour in the plantation sector, and many stayed on the estates and provided a continuous labour force. Lastly, the thesis finds that the involvement of the natives in the plantation estates has brought not only positive impacts to them, such as changes of native economic activity, but also negative impacts, i.e. social problems such as gambling, brothels, extreme alcohol consumption, and unmarried issues among the natives. On a larger scale, the involvement of native labourers in the plantation economy had benefitted foreign enterprises tremendously but it simultaneously had an adverse effect on the paddy crop enterprise not only within the village, but also the entire region's food supply.

SENARAI KANDUNGAN


	Halaman
TAJUK	i
PENAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	1
1.3 Objektif Kajian	2
1.4 Sorotan Literatur	3
1.5 Kepentingan Kajian	21
1.6 Metodologi Kajian	21
1.7 Skop Batasan Kajian	23
1.8 Pembahagian Bab	24
1.9 Kesimpulan	25
BAB 2: <i>BRITISH NORTH BORNEO CHARTERED COMPANY (BNBCC):</i>	27
PERKEMBANGAN SEKTOR EKONOMI DAN MASALAH BURUH	
DI BORNEO UTARA	
2.1 Pengenalan	27
2.2 Penguasaan <i>British North Borneo Chartered Company (BNBCC)</i>	28
2.3 Pemerolehan "Piagam Diraja"	32

2.4	Dasar Ekonomi BNCC di Borneo Utara Secara Umum	35
2.4.1	Perkembangan Sektor Pembalakan	35
2.4.2	Perkembangan Sektor Perlombongan	37
2.4.3	Dasar Pertanian	37
	a. Pembangunan Berasaskan Ekonomi Peribumi	41
	b. Perladangan Tembakau dan Getah	42
2.5	Masalah Buruh di Borneo Utara	55
2.5.1	Kekurangan Penduduk	55
2.5.2	Pandangan Peribumi Terhadap Sistem Ekonomi Perladangan	57
2.5.3	Pandangan Pengusaha Eropah Terhadap Penduduk Peribumi	61
2.6	Kemasukan Buruh Luar ke Borneo Utara	65
2.7	Kesimpulan	74
BAB 3: PEREKRUTAN BURUH TEMPATAN DI DALAM SEKTOR PERLADANGAN DI BORNEO UTARA		76
3.1	Pengenalan	76
3.2	Penduduk Peribumi	76
3.3	Kegiatan Ekonomi Penduduk Peribumi	83
3.4	Pengrekrutan Buruh Peribumi	85
3.5	Kontrak Lisan Buruh Peribumi	101
3.6	Statistik Penglibatan Buruh Tempatan	104
3.7	Kesimpulan	114
BAB 4 : KEHIDUPAN BURUH TEMPATAN DI ESTET PERLADANGAN		116
4.1	Pengenalan	116
4.2	Kebajikan Buruh Peribumi di dalam Aspek Material	116
	4.2.1 Jenis Tugas, Tempoh Masa Bekerja dan Gaji	116
	4.2.2 Bekalan Makanan	122
	4.2.3 Wabak Penyakit dan Kemudahan Kesihatan	128
4.3	Kebajikan Buruh Peribumi di dalam Aspek Bukan Material	135
	4.3.1 Hubungan Sesama Buruh	135

4.3.2	Penentangan Buruh Peribumi	139
4.3.3	Hukuman Terhadap Buruh Peribumi	141
4.3.4	Kawalan Terhadap Buruh Peribumi	146
4.4	Kesimpulan	158
BAB 5: KESAN SEKTOR PERLADANGAN TERHADAP BURUH PERIBUMI		159
5.1	Pengenalan	159
5.2	Kesan Positif	159
5.2.1	Perubahan Persepsi Terhadap Sistem Kerja Bergaji	159
5.2.2	Perubahan Kegiatan Ekonomi	160
5.2.3	Penerimaan Terhadap Masyarakat Lain	162
5.3	Kesan Negatif	154
5.3.1	Penurunan Perusahaan Padi	154
5.3.2	Pengaruh Sosial	167
5.3.3	Isu Tidak Berkahwin dan Masalah Kadar Pertumbuhan Penduduk	170
5.4	Tentangan Ketua Peribumi	174
5.5	Kesimpulan	177
Bab 6: KESIMPULAN		178
RUJUKAN		186
LAMPIRAN		197

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1: Kadar Sewa Pajak Tanah Pertanian di Borneo Utara	39
Jadual 2.2: Pengeluaran Tembakau di Borneo Utara, 1914-1940	48
Jadual 2.3: Pengeluaran Getah Borneo Utara, 1910-1934	52
Jadual 3.1: Senarai Penduduk Peribumi Dalam Banci 1891-1931	79
Jadual 3.2: Buruh tempatan Berdasarkan Suku Kaum dan Daerah, 1920	105
Jadual 3.3: Peningkatan Harga Barang Makanan, 1913-1919	108
Jadual 4.1: Harga Bekalan Beras di Estet-estet di Borneo Utara, 1918	125
Jadual 4.2: Harga Barang Makanan, 1913-1930	126
Jadual 4.3: Kadar Kematian Buruh-buruh di Borneo Utara, 1915-1941	133
Jadual 5.1: Penglibatan Buruh Peribumi Berdasarkan Jantina Antara Tahun 1915-1940	166



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Penglibatan Buruh Dalam Sektor Perladangan di Borneo Utara, 1907-1940	56
Rajah 3.1: Statistik Penduduk Peribumi Borneo Utara, 1891-1931	77
Rajah 3.2: Statistik Penglibatan Buruh di Enam Buah Estet, 1920	106
Rajah 3.3: Penglibatan Buruh Sektor Ekonomi Perladangan Berasaskan Kaum di Borneo Utara, 1907-1940	113
Rajah 4.1: Standard Gaji Buruh Peribumi (Sen/Hari)	122
Rajah 5.1: Perubahan Jumlah Penduduk Murut, Dusun dan Bajau Berdasarkan Banci 1901-1931	174



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN


	Halaman
Lampiran A: Senarai Gabenor Borneo Utara, 1881- 1941	198
Lampiran B: Senarai Pegawai Perubatan di Setiap Estet, 1920	199
Lampiran C: Tamu Peribumi	200
Lampiran D: Buruh Peribumi di Estet Langkon	201
Lampiran E: Penduduk Peribumi Meminum Tapai	202
Lampiran F: Ordinan Buruh 1916	203



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

BNBCC	British North Borneo Chartered Company
F.M.S	Federated Malay States
G.S.O	Governer Secretary Officer
JMBRAS	Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
ILO	International Labour Organization
PDII	Perang Dunia Kedua
PRO	Public Record Office
SSA	Sabah State Archives
US	United States



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang berfokus kepada sejarah perburuhan di Borneo Utara dengan latar masa antara 1881 sehinggalah 1941. Kajian ini merupakan percubaan untuk merungkai sejarah perburuhan bagi penduduk lokal di Borneo Utara. Memandangkan sektor perladangan merupakan sektor ekonomi penting ketika itu, penulis memilih untuk mengkaji keterlibatan penduduk tempatan di dalam sektor ini. Antara aspek yang akan dikaji di dalam penulisan ini ialah sejarah awal pembentukan kerajaan *British North Borneo Company* (BNBC) dan dasar ekonomi yang dilaksanakan khususnya dasar perladangan, penerimaan penduduk tempatan terhadap sektor perladangan pada peringkat awal, pengrekrutan buruh tempatan, kehidupan buruh tempatan di estet perladangan dan kesan penglibatan di dalam sektor perladangan terhadap kehidupan mereka. Bagi menjadikan kajian yang dilakukan lebih sistematik dan bersifat objektif, penulis telah menetapkan beberapa landasan utama bagi memastikan kajian yang hendak dilakukan tidak terpesong daripada tajuk kajian. Dalam bab yang pertama ini, penulis cuba melihat beberapa aspek yang dapat membantu di dalam proses pengkajian topik ini. Antaranya adalah sorotan kajian-kajian lepas, objektif kajian, permasalahan kajian, skop batasan kajian, kepentingan kajian dan pembahagian bab.

1.2 Permasalahan Kajian

Semua estet perladangan mengharapkan agar buruh tempatan menjadi bekalan buruh tempatan mengurangkan kos pengrekrutan buruh luar. Namun, buruh tempatan menolak sistem kerja perladangan di Borneo Utara sehingga pada satu tahap dalam sejarah perburuhan Borneo Utara, buruh asing dianggap penyelamat kepada pembangunan ekonomi Borneo Utara manakala penduduk peribumi dianggap sebagai masyarakat yang malas¹ dan tidak sesuai untuk terlibat di dalam

¹Owen Rutter, *British North Borneo: An Account of its History, Resources and Native Tribes*, London: Constable & Co., 1922, hlm. 74 & 79.

sektor ekonomi yang bersifat komersial.² Statistik penglibatan buruh tempatan mencatatkan hanya 1,137 daripada jumlah buruh keseluruhan iaitu 10, 467 orang pada tahun 1907. Menjelang 1934, buruh peribumi yang dianggap tidak memainkan peranan signifikan dalam sektor perladangan mencatatkan jumlah penglibatan tertinggi jika dibandingkan dengan jumlah mana-mana buruh asing iaitu sebanyak 5,340 orang berbanding buruh Cina 4,251 orang dan buruh Jawa sebanyak 2,574 orang.

Ini bermaksud, persepsi buruh tempatan, majikan dan kerajaan terhadap penglibatan masyarakat peribumi dalam estet perladangan telah berubah seiring perubahan masa dan bergantung kepada faktor-faktor domestik dan luaran. Akibatnya, masyarakat tempatan telah terserap masuk di dalam sektor ekonomi kapitalis dan sebuah rangkaian yang membawa kesan yang besar kepada kehidupan mereka secara khas dan Borneo Utara secara umum.

Maka kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh manakah penglibatan buruh tempatan dalam sektor perladangan di Borneo Utara telah memberi kesan kepada kehidupan mereka sendiri, masyarakat dan Borneo Utara secara umum. Antara persoalan-persoalan yang timbul ialah apakah dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh BNBC dalam menangani masalah kekurangan buruh di Borneo Utara? Bagaimana sistem perburuhan tempatan diwujudkan di Borneo Utara? Bagaimana kehidupan buruh tempatan di estet-estet perladangan? dan akhir sekali apakah kesan penglibatan buruh tempatan di dalam sektor ekonomi perladangan terhadap kehidupan penduduk tempatan khususnya buruh tempatan?

1.3 Objektif Kajian

Sesebuah kajian atau penyelidikan seharusnya ada objektif yang jelas dan realistik. Penetapan objektif kajian dalam penyelidikan mahupun penulisan sejarah amat penting bagi memastikan penyelidik tidak terpesong daripada landasan kajian. Dalam kajian yang bertajuk "Sejarah Penglibatan Buruh Tempatan dalam Sektor

²Owen Rutter, *British North Borneo*, hlm. 74 & 79.

Perladangan di Borneo Utara 1881-1941”, penyelidik telah menetapkan beberapa objektif utama.

Objektif utama dalam kajian ini adalah untuk membincangkan dasar ekonomi perladangan yang dilaksanakan oleh BNBC dan langkah BNBC menangani masalah kekurangan buruh di Borneo Utara.

Selain itu, penulis juga ingin meneliti sistem pengrekrutan buruh tempatan dan bagaimana kontrak pengambilan kerja buruh-buruh tempatan ini.

Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji keadaan kehidupan buruh tempatan ini di dalam estet ini dari aspek kebajikan dan hubungan sesama pekerja sama ada dengan buruh luar mahupun sesama mereka.

Akhir sekali, objektif kajian ini dilakukan adalah untuk membincangkan kesan penglibatan mereka di dalam sektor ekonomi perladangan sebagai buruh terhadap kehidupan mereka.

1.4 Sorotan Literatur

Penelitian terhadap kajian dan penulisan yang lepas adalah amat penting dalam menyiapkan sesebuah penulisan yang bercorak ilmiah. Bukan sahaja membantu dalam mengenalpasti aspek yang pernah disentuh oleh para penulis yang terdahulu sama ada secara terperinci mahupun secara umum, malah, kajian lepas juga penting bagi menguatkan lagi fakta kajian yang ada. Penulisan dan kajian lepas mengenai penglibatan buruh tempatan dalam sektor perladangan di Borneo Utara antara tahun 1881-1941 ini adalah sangat terhad memandangkan kebanyakan penulisan yang pernah dilakukan lebih berfokus kepada buruh luar. Walaupun belum ada tajuk penulisan yang membincangkan penglibatan buruh tempatan dalam sektor perladangan secara terperinci, namun, penulis dapat mengenalpasti beberapa kajian lepas yang ada membincangkan kewujudan buruh tempatan dalam sektor ekonomi perladangan walaupun perbincangan yang dilakukan hanyalah bersifat umum.

"*The State of North Borneo 1881-1946*" yang ditulis oleh George McT. Kahin merupakan antara kajian yang pernah membincangkan penglibatan buruh tempatan dalam sektor perladangan di Borneo Utara. Penulisan beliau yang diterbitkan pada tahun 1947 ini membincangkan tentang dasar-dasar kerajaan yang membawa kesan kepada kedudukan buruh tempatan. Dalam penulisan ini, beliau menyatakan bahawa terdapat dua faktor utama yang menyebabkan ketiadaan kesatuan sekerja di Borneo Utara khususnya buruh tempatan. Faktor yang pertama adalah kelemahan kuasa tawar-menawar buruh tempatan untuk berhadapan dengan tekanan daripada buruh luar yang datang dan menggantikan kedudukan mereka. Dalam erti kata lain, buruh tempatan tidak ada kuasa ke atas dasar kerajaan BNBC dan hanya menerima sahaja keadaan tersebut. Faktor kedua adalah wujudnya perundangan yang ketat berkaitan dengan penubuhan kesatuan sekerja. Namun begitu, penulis langsung tidak menyentuh berkenaan dasar-dasar kerajaan BNBC terhadap buruh-buruh tempatan. Penulisan ini akan dikaji dengan lebih mendalam lagi untuk menjawab permasalahan yang diutarakan oleh penyelidik berkaitan dengan dasar yang dilaksanakan oleh pemerintah terhadap buruh tempatan.³

Manakala, bagi Danny Wong Tze-Ken di dalam "*The Transformation of an Immigrant Society: A Study of Chinese of Sabah*", beliau menyatakan bahawa kemasukan imigran Cina ke Borneo Utara semasa pemerintahan BNBC disebabkan oleh dua faktor iaitu keperluan buruh dan tujuan mempopulasikan penduduk Borneo Utara pada ketika itu yang dikatakan mempunyai penduduk yang sedikit. Hujah yang dinyatakan oleh beliau ini sekaligus menyokong hujah yang dinyatakan oleh K. G Tregonning dalam tulisan beliau yang bertajuk "*Under Chartered Company Rule North Borneo 1881-1946*" bahawa buruh Cina merupakan harapan BNBC untuk memajukan Borneo Utara. Danny Wong juga ada menyatakan bahawa keperluan buruh asing yang tinggi ini didorong oleh persepsi kerajaan BNBC terhadap penduduk lokal yang dilihat sebagai tidak sesuai untuk memenuhi keperluan pembangunan ekonomi berteraskan ekonomi moden. Penduduk tempatan Borneo Utara terdiri daripada pelbagai etnik yang dilihat bukan sahaja

³ George McT. Kahin, *The State of North Borneo 1881-1946*, *Association for Asian Studies*, 7(1): 43-65, 1947.

berbeza dari aspek budaya tetapi juga ekonomi dan cara hidup. Perbezaan dari segi ekonomi dan cara hidup telah membawa masalah besar kepada pihak syarikat untuk mencari penyelesaian kepada keperluan kerja penduduk Borneo Utara ketika itu. Dalam usaha untuk menyelesaikan krisis buruh, pihak BNBC memandang ke negara China yang dapat menyediakan bekalan tenaga buruh yang ramai. Penulisan beliau ini penting bagi melihat situasi Borneo Utara ketika itu yang memerlukan tenaga buruh yang ramai khususnya buruh-buruh Cina. Namun, apa yang lebih penting di dalam penulisan ini ialah pendapat beliau yang menyatakan bahawa kepelbagaian etnik di Borneo Utara pada waktu itu menyebabkan kerajaan BNBC dan syarikat-syarikat perladangan sukar untuk mencari penyelesaian kepada keperluan kerja mereka. Hal ini sebagai salah satu faktor yang menyebabkan pengambilan buruh tempatan lebih sedikit berbanding buruh-buruh luar seperti buruh Cina dan Jawa.⁴ Aspek ini akan dikaji dengan lebih mendalam.

D.S Ranjit Singh dalam buku beliau yang bertajuk "*The Making Of Sabah 1865-1941: The Dynamics Of Indigenous Society*" menyentuh kedudukan buruh tempatan yang terlibat untuk melakukan kerja-kerja tertentu seiring dengan perbincangan buruh-buruh asing khususnya buruh Cina, Jawa dan India ke Borneo Utara. Dalam penulisan ini, beliau membincangkan kedudukan buruh lokal yang telah terlibat sama sejak dari awal pemerintahan pihak BNBC, bagi tujuan membersihkan hutan dan membina jalan. D.S Ranjit Singh turut berhujah bahawa penglibatan buruh tempatan dalam sektor perladangan memang telah wujud sejak dari awal lagi walaupun dalam jumlah yang agak sedikit jika dibandingkan dengan buruh luar yang dibawa masuk oleh BNBC. Perkembangan pesat yang berlaku dalam sektor perladangan getah pada awal abad ke-20, telah menambahkan lagi jumlah penglibatan buruh tempatan dalam sektor ini. Peningkatan jumlah penglibatan buruh tempatan ini sebenarnya didorong oleh minat mereka terhadap upah yang lumayan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat perladangan. Namun demikian, dasar kerajaan BNBC yang hendak menyekat penglibatan buruh tempatan dalam sektor perladangan menunjukkan minat pihak BNBC yang lebih

⁴ Danny Wong Tze-Ken, *The Transformation of an Immigrant Society: A Case Study of Sabah*, London: ASEAN Academic Press, 1998.

cenderung kepada keperluan buruh luar dan ingin mengekalkan masyarakat lokal kepada ekonomi pertanian khususnya pengeluaran sumber makanan. Dasar penyekatan yang dilaksanakan oleh BNBC terhadap buruh tempatan ini akan dikaji dengan lebih mendalam lagi.⁵ Penulisan ini sangat penting kepada penyelidik menyelesaikan persoalan-persoalan yang timbul dalam tajuk kajian. Melalui penulisan ini, penulis dapat mengetahui bagaimana penglibatan penduduk setempat dalam sektor perladangan khususnya perladangan tembakau dan getah. Selain itu, penyelidik juga dapat melihat kebimbangan yang dihadapi oleh BNBC terhadap penglibatan masyarakat lokal dalam estet getah dan tembakau.

Selain itu, sebuah lagi penulisan yang dilihat dapat membantu penulis mengkaji topik yang dipilih ialah karya yang dihasilkan oleh Amarjit Kaur yang bertajuk " 'Hantu' and Highway: Transport in Sabah 1881-1963". Perbincangan yang dilakukan oleh Kaur ini meliputi setiap aspek pentadbiran di Borneo Utara. Menurut beliau, geografi fizikal dan sumber asli di Borneo Utara memainkan peranan penting di dalam membentuk pembangunan di Borneo Utara. Beliau menyatakan bahawa BNBC tidak merancang untuk membangunkan Borneo Utara sendiri dan menjadi pesaing kepada pedagang luar dengan keberadaan BNBC yang tidak mempunyai modal yang cukup. Sebaliknya, BNBC membuka Borneo Utara kepada syarikat-syarikat luar untuk menarik pelabur dan buruh. Beliau juga menyatakan bahawa komoditi perladangan utama yang diusahakan adalah tembakau yang juga dikatakan perintis kepada faktor pembinaan sistem perhubungan yang lebih baik. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa perkembangan perusahaan tembakau membawa kepada kemasukan migran-migran dari luar.⁶

Selepas berlaku kemerosotan tembakau akibat persaingan sengit dengan pasaran antarabangsa, getah mulai mendapat perhatian serius daripada golongan pengusaha. Perkembangan getah yang berlaku bukan sahaja menarik minat

⁵ D.S Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2000.

⁶ Amarjit kaur, 'Hantu' and Highway: Transport in Sabah 1881-1963, *Modern Asian Studies*, **28** (1): 1 49, 1994.

pengusaha-pengusaha perladangan malah penduduk peribumi juga mulai mengusahakan tanaman getah secara kecil-kecilan. Selain daripada mengusahakan tanaman getah, penduduk peribumi juga dijadikan sebagai buruh bagi membina jalan raya. Penulisan yang dihasilkan oleh Amarjit Kaur ini amat penting bagi melihat keterlibatan penduduk peribumi di dalam perusahaan komoditi perladangan secara kecil-kecilan. Oleh itu, penulis akan mengkaji dengan lebih lanjut berkaitan perkara ini.

Penglibatan buruh-buruh tempatan dalam sektor ekonomi perladangan khususnya di dalam perusahaan tembakau dan getah merupakan salah satu isu yang dibincangkan oleh K.G Tregonning dalam tulisan beliau yang bertajuk "*Under Chartered Company Rule North Borneo 1881-1946*". Beliau menyatakan bahawa, buruh-buruh tempatan ini kebanyakannya terdiri daripada etnik Dusun dan Murut. Pada masa yang sama, beliau melihat penglibatan buruh tempatan dalam sektor perladangan ini bukan sahaja dilihat sesuatu yang baik bagi syarikat-syarikat perladangan. Malah, terdapat sesetengah estet yang bergantung sepenuhnya kepada tenaga kerja tempatan. Penulisan yang dihasilkan oleh Tregonning ini sangat penting dalam penyelidikan ini untuk menilai penerimaan syarikat perladangan terhadap penglibatan buruh tempatan semasa pemerintahan BNBC di Borneo Utara. Selain itu, penyelidik juga dapat mengenalpasti etnik-etnik utama yang banyak melibatkan diri dalam sektor ini.⁷

Sama seperti pendapat yang diutarakan oleh D.S Ranjit Singh, Sabihah Osman dan Amarjit Kaur, Siti Aidah Hj. Lokin turut membincangkan isu kekurangan bekalan buruh yang dihadapi oleh BNBC pada peringkat awal pentadbiran BNBC di dalam buku yang ditulis oleh beliau yang bertajuk "Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)". Dalam perbincangan ini, beliau menyatakan bahawa walaupun kebanyakan penduduk peribumi Borneo Utara ini lebih cenderung untuk melakukan kegiatan ekonomi tradisional yang diwarisi iaitu sistem ekonomi sara diri. Tetapi, penulis tidak menafikan adanya

⁷ K.G Tregonning, *Under Chartered Company Rule North Borneo 1881-1946*, Singapore: University of Malaya Press, 1958.

penglibatan penduduk tempatan yang bekerja sebagai buruh dalam sektor-sektor perladangan ketika itu.⁸

Selain itu, penulis juga menyatakan bahawa perkembangan pesat yang berlaku di dalam sektor perladangan khususnya komoditi getah telah menarik minat penduduk setempat untuk bekerja sebagai buruh di ladang-ladang getah yang dibuka oleh syarikat-syarikat perladangan. Bukan sahaja berminat untuk bekerja, malah, mereka mulai mengusahakan penanaman getah untuk meningkatkan taraf hidup.⁹ Namun, hal ini menimbulkan kebimbangan pihak BNBC terhadap persaingan yang wujud di antara hasil yang dikeluarkan oleh pengusaha estet getah dan hasil yang dikeluarkan oleh penduduk peribumi. Oleh yang demikian, pihak BNBC mengambil tindakan tidak memberi galakan dan insentif kepada pengusaha peribumi. Penulisan ini penting kepada penyelidik bagi mengetahui cabaran-cabaran yang dihadapi oleh buruh-buruh tempatan dalam usaha untuk melibatkan diri dalam sektor perladangan ini. Selain itu, penulisan ini juga penting bagi penyelidik untuk melihat dasar yang dilaksanakan oleh pihak BNBC bagi menghalang penglibatan masyarakat tempatan dalam sektor ekonomi moden ini. Punca utama dasar kerajaan BNBC menghalang penglibatan penduduk peribumi akan dikaji dengan lebih dalam lagi.

Kerajaan BNBC pada ketika itu dikatakan menjalankan dasar yang liberal dan unik dalam mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh sebagaimana yang dinyatakan oleh Sabihah Osman dalam artikel beliau yang bertajuk "Tawau: Pusat Kegiatan Ekonomi Jepun".¹⁰ Bagi meneruskan kelangsungan pentadbiran BNBC dan syarikat-syarikat pelabur yang lain, buruh-buruh asing dibawa masuk ke Borneo Utara termasuklah buruh Jepun yang pada hakikatnya disedari akan mengancam kedudukan BNBC. Kemasukan pelabur, pemilik dan peladang Jepun yang mahir telah memajukan Tawau sebagai sebuah bandar pelabuhan. Menurut beliau lagi,

⁸ Siti Aidah Hj.Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2007.

⁹M. C. Cleary, Plantation Agriculture and the Formulation of Native Land Rights in British North Borneo c.1880-1930, *The Geographical Journal*, **158**(2): 170-181, 1992.

¹⁰ Sabihah Osman, Tawau: Pusat Kegiatan Ekonomi Orang Jepun, Dalam Abdul Halim (ed.), *Sabah Dalam Perluasan Pasaran*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.

buruh Cina dan tempatan juga diambil bekerja bagi menebang dan menebas kawasan hutan sebelum dikerjakan oleh peladang Jepun. Penulisan ini dianggap penting kepada penyelidik bagi menganalisis dasar yang dilaksanakan oleh pihak syarikat yang membenarkan kemasukan orang Jepun ke Borneo Utara dan sekali gus melihat keterlibatan masyarakat tempatan dalam kerja-kerja membersihkan hutan. Melalui penulisan ini juga, penyelidik dapat mengenal pasti kekangan yang dihadapi oleh masyarakat setempat dalam melibatkan diri dalam sektor perladangan.

Bagi Ian D. Black, beliau menyatakan bahawa dasar yang bersifat tidak konsisten yang diperkenalkan oleh BNBC telah mencetuskan reaksi daripada buruh tempatan sebagaimana yang ditulis oleh beliau di dalam "*A Gambling Style of Government*". Beliau juga berpendapat bahawa dasar yang dilaksanakan oleh BNBC terhadap penglibatan buruh tempatan di dalam sektor ekonomi perladangan bersifat tidak konsisten kerana satu pihak mahu menggalakkan penglibatan buruh tempatan dalam sektor ekonomi perladangan. Tetapi, di satu pihak lagi melarang penglibatan buruh tempatan kerana pihak BNBC beranggapan bahawa penglibatan penduduk lokal ke dalam sektor ekonomi perladangan akan mengganggu sistem ekonomi tradisional peribumi khususnya dalam penghasilan bekalan makanan. Penulisan ini penting kepada pengkaji dalam melihat dasar yang digunakan oleh pihak BNBC bagi menangani ketidakcukupan buruh dan juga reaksi yang diberikan oleh penduduk tempatan terhadap dasar ekonomi yang diperkenalkan oleh BNBC. Pada masa yang sama, penulisan ini cuba merungkai faktor-faktor yang menyebabkan percanggahan dasar yang dilaksanakan oleh BNBC pada ketika itu.¹¹

Berbeza dengan penulisan-penulisan yang lain, "*The Population Of Borneo: A Study of the Peoples of Sarawak, Sabah and Brunei*" yang dihasilkan oleh J.W Jones lebih banyak membincangkan hal yang berkaitan dengan pertumbuhan penduduk Borneo yang merangkumi tempoh waktu sebelum 1945 dan selepas 1945.¹² Penulisan yang dihasilkan oleh beliau ini berfokus kepada demografi

¹¹ Ian D. Black, *A Gambling Style of Government*, London: Oxford University Press, 1984.

¹² Jones L.W, *The Population of Borneo: A Study of the Peoples of Sarawak, Sabah and Brunei*, Kota Kinabalu: Opus Publication Sdn.Bhd, 2007.

penduduk Borneo iaitu penduduk yang meliputi tiga kawasan utama iaitu Brunei, Sarawak dan Borneo Utara. Menurut beliau, penduduk Borneo Utara terdiri daripada pelbagai etnik yang mempunyai perbezaan cara hidup, budaya, agama dan kepercayaan sehingga membawa masalah kepada pihak pemerintah. Hujah beliau berhubung dengan perkara ini sekaligus menyokong hujah Danny Wong Tze-Ken di dalam penulisannya yang bertajuk "*The Transformation of an Immigrant society: A Study of Chinese of Sabah*". Penulisan yang dihasilkan oleh Jones L.W ini adalah penting bagi membantu penyelidik bagi mengetahui demografi penduduk yang ada di Borneo Utara khususnya pada tahun 1881-1941 disamping melihat pengketogerian buruh peribumi itu sendiri. Selain itu, penulisan ini juga penting dalam melihat perkaitan antara etnografi dengan jumlah buruh tempatan sama ada pertambahan yang berlaku dalam jumlah penduduk Borneo Utara selari dengan jumlah penglibatan buruh tempatan ataupun sebaliknya.

Maureen De Silva dalam kajian kedoktoran beliau membincangkan perkaitan antara jumlah penglibatan buruh tempatan dengan jumlah penduduk tempatan ketika itu.¹³ Menurut beliau, penglibatan buruh tempatan dalam sektor perladangan tidak selari dengan jumlah penduduk tempatan berdasarkan banci awal yang dilakukan oleh BNBC pada tahun 1891.¹⁴ Beliau juga ada menyatakan bahawa, penglibatan buruh tempatan pada peringkat awal adalah berdasarkan penerimaan kontrak daripada pengusaha-pengusaha Eropah untuk melakukan kerja-kerja pembersihan hutan. Malah, dinyatakan juga bahawa pengusaha Eropah lebih berminat untuk mengambil buruh tempatan disebabkan oleh kos buruh yang lebih murah. Menurut beliau lagi, BNBC sebenarnya berhadapan dengan dilema dalam usaha membentuk dasar yang sesuai untuk buruh tempatan. Dilema yang dihadapi ini berpunca daripada keinginan BNBC untuk mengekalkan penduduk tempatan untuk mengusahakan ekonomi berdasarkan makanan dan bukan tanaman komersial. Manakala, di satu kepentingan lain adalah keperluan buruh yang mendesak. Penulisan ini penting kepada pengkaji untuk mengetahui penerimaan

¹³ Maureen De Silva, "*Javanese Indentured Labourers In British North Borneo 1914-1932*", Ph.D tesis, University of London (Belum diterbitkan), 2009.

¹⁴ *Ibid.*, hlm. 56.